



KEJOHANAN BOLA TAMPAR TERBUKA UTM 2009

TARIKH : 06 - 08 MAC 2009
TEMPAT : KOMPLEK SUKAN, UTM DAN
DEWAN SERBAGUNA KTF, UTM
ANJURAN : PASUKAN BOLA TAMPAR UTM DAN
UNIT SUKAN UTM.
TARIKH TUTUP : 27 Feb 2009
YURAN : RM250.00 untuk 1 pasukan Lelaki
RM200.00 untuk 1 pasukan Wanita

Hadiah / Cenderamata :

Kategori Lelaki:

Johan : RM 1500.00 & Piala Pusingan

Naib Johan : RM 1000.00

Tempat Ketiga: RM 800.00

Tempat keempat: Hamper

(hadiah beserta dengan pingat dan sijil penyertaan kecuali tempat keempat)

Kategori Wanita:

Johan : RM1000.00 & Piala Pusingan

Naib Johan : RM 800.00

Tempat Ketiga: RM 500.00

Tempat keempat: Hamper

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi

REAZUL HAQB. ABDUL HAQ

013-7440804

PUI SWEE KHOON

012-7795001



KEJOHANAN BOLA TAMPAR TERBUKA UTM 2008

Peraturan Am Pertandingan

1. Pertandingan akan diadakan pada **06- 08 Mac** 2009, bertempat di Kompleks Sukan UTM dan Dewan Serbaguna Kolej Tun Fatimah.
2. Setiap pasukan bertanding dikenakan bayaran penyertaan RM 250 bagi pasukan lelaki dan RM 200 bagi pasukan wanita.
3. Penyertaan adalah terbuka dan anggaran pasukan yang akan menyertai kejohanan terbuka ini adalah 20 pasukan lelaki dan 10 pasukan wanita sahaja. Sehubungan dengan itu, 20 pasukan lelaki dan 10 pasukan wanita yang terawal mendaftar akan dipilih menyertai kejohanan ini.
4. **KELAYAKAN PEMAIN**
 - (i) Setiap pemain hanya dibenarkan mewakili dan bermain untuk satu pasukan sahaja.
5. Setiap pasukan mesti terdiri daripada sekurang-kurangnya 7 orang.
6. Pertandingan akan dijalankan secara liga pada pusingan pertama. Peraturan ini tertakluk kepada perubahan, bergantung kepada jumlah pasukan yang akan bertanding.
7. Setiap pasukan hendaklah berada di tempat perlawanan 10 minit sebelum permainan dimulakan. Kemenangan percuma akan diberikan kepada pihak lawan sekiranya pasukan lewat melebihi 15 minit dari masa permainan dimulakan.
8. Jawatankuasa Kejohanan ini berhak membuat sebarang perubahan dalam perkara yang tidak dinyatakan dalam syarat-syarat kejohanan ini. Semua keputusan Jawatankuasa ini adalah **Mutlak** dan **Muktamad**.
9. Sebarang bantahan mestilah dibuat secara bertulis selewat-lewatnya tiga puluh (30) minit selepas sesuatu perlawanan itu tamat dan bersertakan wang tunai berjumlah RM300.00.
10. Tarikh tutup penyertaan : **27 Feb 2009**
11. Mesyuarat Pengurus Pasukan :
 - Tarikh : 06 MAC 2009
 - Masa : 8.30 Pagi
 - Tempat : Bilik Mesyuarat Unit Sukan, Kompleks Sukan, UTM(setiap pengurus pasukan diminta untuk menghadiri pada mesyuarat pengurus pasukan. Sekiranya pengurus pasukan tidak dapat hadir, pihak Penganjur akan mewakili pengurus pasukan yang tidak hadir).

12.Undian akan ditentukan oleh pihak Penganjur.

13.Hadiah/cenderamata:

Kategori lelaki;

Johan : RM1500+pingat +piala pusingan

Naib johan : RM1000+pingat

Tempat-3 : RM800+pingat

Tempat-4 : Hamper

Kategori wanita;

Johan : RM1000+pingat +piala pusingan

Naib johan : RM800+pingat

Tempat-3 : RM500+pingat

Tempat-4 : Hamper

****Kepada pasukan yang ingin meminta tempat penginapan sila menghubungi pihak penganjur DUA minggu sebelum pertandingan bermula atau tempahan terus penginapan bolehlah menghubungi pegawai berkenaan seperti berikut:-**

Nama : Encik Lee Thim Loy

Jawatan : Pengurus Asrama

No. Telefon Bimbit : 012-7411922

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan dengan Pertandingan tersebut, sila hubungi Pengerusi Kejohanan, **REAZUL HAQ B. ABDUL HAQ 013-7440804** atau **PUI SWEE KHOON 012-7795001**



KEJOHANAN BOLA TAMPAR TERBUKA UTM 2009

Kepada,
Pengerusi,
Kejohanan Bola Tampar Terbuka UTM,
Melalui
Pengarah Sukan,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 UTM Skudai, Johor

Tuan,

Pendaftaran untuk Kejohanan Bola Tampar Terbuka UTM

Berhubung dengan perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa pihak kami bersetuju untuk menyertai kejohanan bagi pasukan # _____ dan bilangan pasukan yang akan hantar _____.

2. Bersama-sama ini disertakan sekali * Cek / Kiriman Wang / Wang Pos yang bernombor _____ dengan jumlah bayaran RM _____ atas nama Bendahari Universiti Teknologi Malaysia..

3. Pihak kami berjanji akan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh pihak tuan sepanjang kejohanan ini dijalankan dan segala keputusan daripada pihak Penganjur adalah muktamad.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

()
PENGURUS PASUKAN

Nama Pasukan : _____
Nama Pengurus Pasukan : _____
No. Telefon : _____

Tuliskan nama dan bilangan pasukan yang akan mengambil bahagian

* Potong yang tidak berkenaan

Tarikh tutup penyertaan : Sebelum 27 Feb 2009